

KRONOLOGI PERBICARAAN KES RASUAH TENGKU ADNAN

15 NOVEMBER 2018

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor didakwa menerima rasuah RM2 juta daripada Tan Sri Chai Kin Kong melalui cek milik Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd (AKSB) yang didepositkan ke dalam akaun CIMB Bank, Tadmansori Hodling Sdn Bhd.

12 DISEMBER 2018

Tengku Adnan dilepas tanpa dibebaskan daripada pertuduhan dihadapinya tetapi pihak pendakwaan memfaillkan semula pertuduhan itu sebagai pertuduhan baharu yang dibacakan semula.

2 JULAI 2019

Pihak pendakwaan memanggil 23 saksi untuk memberi keterangan termasuk dua bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Phesal Talib dan Tan Sri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz serta Pengarah Aksb, Kin Kong.

14 OKTOBER 2019

Mahkamah Tinggi memerintahkan Tengku Adnan membela diri selepas mendapat pihak pendakwaan berjaya membuktikan prima facie dalam kes tersebut.

17 JANUARI 2020

Tengku Adnan memberi keterangan bersumpah dari tempat saksi dan prosiding pembelaannya berlangsung selama dua hari iaitu pada 17 Januari dan 5 Mac 2020.

21 DISEMBER 2020

Tengku Adnan dijatuhan hukuman penjara dua tahun dan denda RM2 juta selepas didapati bersalah atas pertuduhan menerima rasuah RM2 juta daripada seorang ahli perniagaan empat tahun lalu.

PERKARA 48. HILANG KELAYAKAN MENJADI AHLI PARLIMEN

Tertakluk kepada peruntukan Perkara itu, seseorang hilang kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen jika;

- Didapati atau diisyiharkan tidak sempurna akal; atau
- Seorang bankrap belum lepas; atau
- Memegang sesuatu jawatan berpendapatan; atau
- Tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki sedemikian; atau
- Dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh tidak kurang satu tahun atau denda tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada RM2,000 dan dia tidak mendapat pengampunan bebas; atau
- Memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan, atau telah dengan sukarela menggunakan hak kewarganegaraan di mana-mana negara di luar Persekutuan atau telah membuat suatu akaun setia kepada mana-mana negara di luar Persekutuan.

Ku Nan didapati bersalah

Hakim menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM2 juta

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR

Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dihukum penjara 12 bulan dan denda RM2 juta oleh Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin selepas didapati bersalah menerima rasuah sebanyak RM2 juta empat tahun lalu.

Mahkamah turut merintahkan Tengku Adnan dipenjarakan selama enam bulan jika gagal membayar denda itu.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan hukuman penjara dan denda ditangguhkan sehingga menunggu rayuan penangguhan pelaksanaan.

Terdahulu, Hakim Mohamed Zaini Mazlan membuat keputusan itu selepas mendapat pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap pertuduhan berkenaan.

Ketika membacakan



Tengku Adnan kelihatan sugul ketika keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin.

keputusan pengakiman setebal 83 muka surat, beliau berkata, Tengku Adnan tidak menafikan wang RM2 juta itu dimasukkan ke akaun Tadmansori Holdings Sdn Bhd (THSB) yang mana disahkan bahawa beliau mempunyai kepentingan dan sebagai pemegang saham terbesar syarikat itu.

Ia juga, katanya, kekal berada dalam akaun itu untuk kepentingan Tengku Adnan, malah tiada bukti beliau mengeluarkan wang dari akaun syarikat itu untuk kegunaan Pilihan Raya Kecil (PRK).

Beliau berkata, Tengku Adnan mendakwa, ia digunakan untuk dua PRK di Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak tetapi mahkamah mendapati statusnya ketika kejadian meragukan yang mana beliau bukan Bendahari UMNO atau ahli Parlimen bagi dua PRK tersebut.

"Mahkamah juga tidak dapat menerima keterangan saksi pembelaan iaitu Ketua UMNO Bahagian Simpang Renggam, Datuk Zakaria Dullah dan bekas Pengarah Jentera PRK Sungai Besar, Datuk Rizal-

man Mokhtar berhubung kertas belanjawan yang dibentangkan.

"Mahkamah berpendapat keterangan mereka direka," katanya.

Mohamed Zaini turut membidas keterangan Tengku Adnan bahawa pertuduhan terhadapnya tidak relevan dan helah musuh politik UMNO.

Tegasnya, Tengku Adnan, 70, bukan satu-satunya ahli politik atau orang kenamaan yang didakwa atas tuduhan rasuah dan ia dibuat berdasarkan undang-undang serta bukti.

Pasukan pendakwaan menganggap permohonan peguam bela, Datuk Tan Hock Chuan agar Tengku Adnan dikenakan hukuman ringan iaitu denda kurang daripada RM2,000 tanpa pemerjaraan sebagai tidak munasabah.

Timbalan Pendakwa Raya, Julia Ibrahim berkata, permohonan itu tidak adil sedangkan Tengku Adnan yang lebih dikenali sebagai Ku Nan dipertuduhkan atas kesalahan rasuah sebanyak RM2 juta.

Julia berkata, sangat tidak logik jika mahkamah mengenakan hukuman itu semata-mata pasukan

pembelaan mahu menyelamatkan Tengku Adnan.

"Sebelum ini, tertuduh sendiri pernah menyatakan wang jutaan ringgit ibarat wang poketnya."

"Jawatan ahli Parlimen itu boleh datang dan pergi, maka tiada keperluan untuk selamatkan kedudukannya," katanya.

Julia berkata, kes itu melibatkan orang kenamaan yang mana tertuduh berpengaruh, selain tindak tanduknya diperhatikan masyarakat.

Julia turut memberi contoh mengenai hukuman yang diberikan kepada bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo yang dijatuhan hukuman penjara setahun pada 2011 membabitkan seksyen sama, Seksyen 165 Kanun Keseksaaan.

Terdahulu, Hock Chuan berkata, jasa Tengku Adnan dalam arena politik selama lebih 17 tahun di dedikasikan untuk rakyat.

"Ini juga kali pertama beliau disabitkan, maka saya mohon agar anak guam saya dikenakan denda kurang dari RM2,000.

"Saya risau dengan tahap kesihatannya, jadi saya juga rayu tiada hukuman penjara," katanya.

Turut hadir pada prosiding tersebut ialah isteri Tengku Adnan, Datin Seri Beatrice Ferlat Kusumo Anggraini @ Anggraini Sentiayki; dua anak lelaki mereka serta ahli keluarga yang lain.

Sejurus selepas prosiding hukuman selesai, Tengku Adnan enggan mengulas lanjut dan terus menaiki kenderaannya.

Tengku Adnan sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dituduh menerima wang berjumlah RM2 juta pada 14 Jun 2016.

Wang itu daripada ahli perniagaan, Tan Sri Chai Kin Kong yang juga Pengarah Aksb melalui cek yang didepositkan ke akaun bank milik THSB.